

Sinar 21/6/2011  
MS 2.



# Tali keledar belakang **Lupa atau abai?**

Penggunaan tali pinggang keledar dengan cara betul (gambar hiasan).

"Tolong pakai tali pinggang keledar," kata Siti sambil membetulkan kedudukannya sebelum memandu.  
"Ala... Rimaslah. Rasa tak selesa. Buat apa nak takut dengan polis trafik?" pantas Shida.  
"Bukan pasal takut, tapi keselamatan nyawa. Cegah sebelum terkena," tegas Siti kepada sahabat baiknya.

**P**elbagai alasan diberi apabila diminta mengambil langkah keselamatan di jalan raya dengan menggunakan tali pinggang keledar. Rasa rimas, tersekat dan sesak nafas menyebabkan mereka berhadapan dengan risiko nyawa terancam.

Pernahkah anda mendengar si pejalan kaki, penghuni rumah mahupun pelanggan kenderaan yang tidak tahu mana arah datang?

Pepatah menyebut, 'malang tak berbau'. Ini bermakna tiada sesiapa pun tahu jika sesuatu kejadian atau kemalangan itu berlaku. Mungkin anda pemandu berhema, namun bagaimana dengan sikap pemandu lain?

Kajian Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (Miros) menunjukkan pemakaian tali pinggang keledar belakang mampu mengurangkan risiko kematian bagi penumpang belakang kenderaan sehingga 50 peratus.

Menurut laporan media sebelum ini, undang-undang pemakaian tali pinggang keledar belakang berkuat kuasa mulai 1 Januari ini dan kenderaan yang berdaftar sebelum 1 Januari 1995 dikecualikan daripada peraturan pemakaian tali

pinggang keledar di belakang (sementara pemasangan dibuat secara berperingkat). Bermula 1 Jun 2008, Kerajaan memulakan kempen advokasi pemakaian tali pinggang keledar tempat duduk belakang bagi tempoh enam bulan.

Langkah tersebut sebagai satu pendekatan bagi melaksanakan dasar baru keselamatan jalan raya iaitu pemakaian tali pinggang keledar tempat duduk belakang, sebelum tindakan

penguatkuasaan dimulakan.

Kempen advokasi bertujuan untuk membiasakan orang ramai terhadap peraturan baru pemakaian tali pinggang keledar tempat duduk belakang. Pelaksanaan kempen advokasi ini juga telah mendapat kerjasama dan sokongan padu daripada syarikat-syarikat konsesi lebuhraya di seluruh negara seperti PLUS, Besraya, MTD, LITRAK dan NPE bersama rakan kongsi, bagi melaksanakannya setiap hari.

Namun, tahukah anda berapa ramai yang memasang dan menggunakannya? Mengikut statistik terbaru yang dikeluarkan Miros, menunjukkan penggunaan tali pinggang keledar belakang amat



**SURET SINGH**

Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (JKJR), Datuk Suret Singh berkata, statistik terbaru menunjukkan bahawa 90 peratus daripada kenderaan persendirian telah pun dilengkapi dengan tali pinggang keledar belakang.

"Golongan ini diwajibkan menggunakan tali pinggang keledar sejak 1 Januari 2009, namun kajian daripada Miros menunjukkan kadar pemakaian tali pinggang keledar sehingga April tahun ini sangat rendah iaitu hanya 10 peratus," katanya.

Menurutnya, JKJR mengadakan kerjasama dengan pelbagai agensi untuk mempergiatkan kempen berkaitan melalui pelbagai saluran seperti menggunakan laman sesawang Facebook, twitter dan juga laman web JKJR sendiri.

"Selain itu, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan pihak polis juga melakukan penguatkuasaan undang-undang secara berterusan di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata, terdapat peruntukan akta yang boleh disabitkan kepada mereka yang

menghampakan iaitu kurang daripada 20 peratus berbanding 48 peratus pada awal kempen pada 1 Januari tahun lepas.

## **Giatkan kempen**

tidak menggunakan dan memasang tali keledar belakang.

"Di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 – Kaedah-kaedah Kereta Motor (Tali pinggang keledar) (Pindaan) 2008. Kompaun sebanyak RM300 akan dikenakan ke atas sesiapa yang melanggar peraturan ini," katanya.

Berdasarkan perangkaan 2007 oleh Miros, penggunaan tali pinggang belakang berupaya menyelamatkan 175 kematian, 350 kes cedera parah dan 1050 kes cedera ringan.

Perlaksanaan inisiatif tali pinggang belakang berupaya menyumbang mengurangkan kadar kematian sebanyak 50 peratus, kecederaan parah sebanyak 45 peratus dan kecederaan ringan 50 peratus bagi penumpang di belakang.

## **Keselamatan anak**

Suret berkata, pemakaian tali keledar belakang mampu menyelamatkan nyawa penumpang belakang dan hadapan.

"Pada kelajuan 50 kmsj, penumpang belakang seberat 60 kilogram yang tidak memakai tali pinggang keledar boleh menghentam tempat duduk hadapan dengan kesan impak sebanyak 2.4 tan iaitu 40 kali ganda berat badan individu.

"Ini sekali gus menyebabkan risiko kecederaan bagi mereka yang tidak mematuhi peraturan ini akan meningkat dengan kadar 50 peratus," katanya.

Menurutnya, ketika berada di





Saman dikeluarkan sekiranya tidak menggunakan tali pinggang keledar (gambar hiasan).

dalam kenderaan, setiap orang perlu pastikan memakai tali keledar belakang agar dapat mengelakkan daripada disaman selain mengurangkan risiko kecederaan sekiranya berlaku kemalangan.

"Pemakaian tali keledar belakang telah dijadikan



Malang tidak berbau mengundang risiko keselamatan kepada pengguna yang gagal patuhi keselamatan jalan raya.

"JKR menasihatkan ibu bapa agar menggunakan tali keledar bersama kerusi atau jenis tempat duduk keselamatan kereta mengikut umur dan berat kanak-kanak serta bayi.

"Kerusi keselamatan bayi sehingga berumur setahun



Kempen keselamatan jalan raya untuk mendidik pengguna dari masa ke masa.



## Tali pinggang keledar di belakang bukannya hiasan. Gunakannya.

Antara kempen yang giat dijalankan untuk beri kesedaran pengguna.

utama kepada pemakaian tali keledar belakang.

"Saya percaya, jika individu tersebut seorang yang bertanggungjawab, beliau akan pastikan setiap penumpang di dalam kenderaan tersebut memakai tali keledar belakang itu," katanya.

Menurutnya, setiap nyawa tidak boleh dinilai dengan pemakaian tali keledar belakang.

"Perlu difikirkan, nyawa hanya ada satu sahaja, jadi setiap individu perlu peka terhadap keselamatan masing-masing," katanya.

Sinar Harian mendapatkan reaksi daripada orang ramai mengenai pemakaian tali keledar belakang, namun rata-rata reaksi yang diterima amat menghampakan. Ramai yang tidak tahu mengenai tarikh penguatkuasaan pemakaian tali keledar belakang dan tindakan yang bakal dikenakan sekiranya tidak memakainya.

APA KATA MEREKA



Oh, iya ke? Saya tak tahu pun. Mungkin terlepas pandang berita."

- Norhasliza Ismail, 25, pelajar



Saya pernah dengar, tapi lupa bila dikuatkuasakan. Namun saya tetap memastikan setiap orang dalam kenderaan memakainya."

- Najdah Adnan, 23, pekerja swasta



Stuar 21/6/2011 MS 3.



undang-undang sejak 1 Januari 2009, penumpang dan pemandu kenderaan harus sentiasa memakai tali keledar depan serta belakang demi keselamatan mereka ketika berada di jalan raya," katanya.

Beliau berkata, kanak-kanak dan bayi juga digalakkan menggunakan tali keledar untuk menjamin keselamatan, namun ia masih tidak diwajibkan.



mampu menampung berat sehingga 9kg, manakala kerusi keselamatan kanak-kanak sembilan bulan hingga hampir tahun, beratnya antara 9 hingga 18 kg," katanya.

### Sikap individu

Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia, Datuk N Marimuthu berkata, sikap individu sendiri menjadi faktor

Beliau berkata, JPJ perlu memainkan peranan mereka untuk mendidik masyarakat agar menggunakan tali keledar belakang.

"Kita tidak mahu bila terjadi sesuatu, barulah kita lakukannya. Seperti kata pepatah, sudah terhantuk baru tergadah," katanya.

Marimuthu berkata, seharusnya setiap orang yang memiliki lesen memandu yang sah mengetahui mengenai risiko dan keselamatan penggunaan tali keledar belakang.

"Tidak perlu masuk universiti semata-mata untuk mengetahui risikonya," katanya.

Ya ke? Kereta saya masih tak ada tali keledar belakang sebab masa hari tu, saya dah pergi ke pusat servis dan disuruh tunggu panggilan, tapi sehingga kini tiada apa-apa pun."

**- Azman Salleh, 30, pekerja swasta**



- Semua kenderaan wajib memasang tali keledar belakang kecuali kenderaan yang didaftarkan sebelum 1 Januari 1995 dan juga kenderaan komersial.
- Pemilik kenderaan yang didaftarkan selepas 1 Januari 1995 diberi tempoh selama tiga tahun bermula 1 Januari 2009.
- Tarikh dikuatkuasakan undang-undang pemakaian 1 Januari 2009.
- Pemandu bertanggungjawab untuk

- memastikan penumpang memakainya.
- Tarikh akhir pemasangan tali keledar belakang pada 1 Disember 2011.
- 1 Oktober 2011 merupakan tarikh akhir pemasangan tali keledar belakang secara percuma.
- Kecederaan parah sering kali dialami oleh penumpang belakang yang tidak menggunakan tali keledar belakang kerana 'menjunam' ke hadapan apabila berlaku kemalangan.

### STATISTIK

Statistik jumlah pemasangan tali keledar belakang oleh kenderaan tempatan.

Jenis kenderaan	Telah dipasang	Belum dipasang
Perodua	116 722	410 000
Proton	39 801	188 199

### 2009

**Tali pinggang hadapan :** 10 242  
**Tali pinggang belakang :** 10 122  
**JUMLAH :** 20 364

### 2010

**Tali pinggang hadapan :** 5592  
**Tali pinggang belakang :** 1102  
**JUMLAH :** 6694

Statistik jumlah saman yang telah dikeluarkan ke atas mereka yang tidak memakai tali keledar belakang. Saman tali pinggang keledar sejak 2009 dan 2010 oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)